

26/10/1998

Dr Mahathir rasmi tilawah al-Quran

MELAKA, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-41 di Stadium Kubu, Selasa ini.

Ketibaan Dr Mahathir dijangka disambut Ahli Jawatankuasa Pengelola dipengerusikan bersama Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Dalam wawancara program Selamat Pagi Malaysia terbitan Radio Televisyen Malaysia secara langsung dari Stadium Kubu, di sini pagi ini, Abu Zahar berkata, Dr Mahathir akan merasmikan pembukaan tilawah itu manakala Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin akan menutup serta menyampaikan hadiah.

"Seramai 28 qari dan qariah termasuk johan menunggu mengesahkan untuk menyertai majlis tilawah tahun ini, yang bertemakan `Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita'," katanya

Berikutan itu, tegasnya, menjadi tanggungjawab umat Islam menekan dan mengekalkan aspek kesejahteraan dalam usaha membantu meneruskan agenda pembangunan agama dan bangsa demi masa depan negara.

Abu Zahar berkata, RM806,035 diperuntukkan untuk majlis tilawah tahun ini, termasuk RM476,398 daripada Kerajaan Pusat.

"Sebanyak RM400,000 diperuntukkan bagi kos pembinaan astaka bercirikan reka bentuk masjid negeri al-Azim, termasuk kerja elektrik, mekanikal dan sistem siaraya," katanya.

(END)